



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

BUKU PELAN PEMBANGUNAN GEOPARK NEGARA 2021-2030 DAN PELAN PELAKSANAAN GEOPARK NEGARA DILANCAR

Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB Dato' Sri Huang Tiong Sii, menyempurnakan Majlis Peluncuran Buku Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030 (PPGN 2021-2030) dan Pelan Pelaksanaan Geopark Negara (PLGN) di *International Greentech & Eco Products Exhibition and Conference Malaysia 2023*, (IGEM) 2023.

Penerbitan kedua-dua pelan ini merupakan inisiatif Kementerian melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) dalam memperkasa agenda pembangunan dan pengurusan geopark negara dan perlu dirujuk serta diguna pakai dalam semua perancangan pembangunan fizikal negara.

Kedua-dua pelan ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara Ke-42 (MPFN Ke-42) pada 18 September 2023 yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk diterima pakai dalam pembangunan dan pelaksanaan Geopark oleh agensi persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri dalam Memperkasa Ekonomi dan Kesejahteraan Komuniti Setempat serta menterjemahkan cadangan PPGN 2021-2030 dan PLGN dalam Rancangan Tempatan bagi Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara.

Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030 merupakan satu pelan strategik dalam pembangunan sesebuah Geopark yang memperlihatkan hala tuju sesebuah Geopark Kebangsaan ke arah pengiktirafan UNESCO Global Geopark (UGGp) untuk tempoh 10 tahun (2021-2030). NRECC melalui JMG telah membangunkan PPGN 2021-2030 sebagai sumber rujukan bagi membangunkan geopark kepada agensi-agensi yang berkepentingan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Ia menggariskan elemen strategi, tatacara serta tindakan agensi kerajaan yang terlibat agar dapat

digembleng secara bersepadu melalui pendekatan pengurusan bersama (*co-management*).

Manakala **Pelan Pelaksanaan Geopark Negara** pula disediakan untuk dijadikan panduan pengurusan (*management guideline*) kepada pihak berkepentingan di peringkat Kerajaan Negeri serta agensi berkaitan khususnya pihak pengurusan Geopark Kebangsaan untuk memastikan semua strategi dan program yang terkandung dalam dokumen ini dapat dilaksanakan berdasarkan piawai yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Geopark Kebangsaan dan UGGp.

Kedua-dua pelan ini telah dibangunkan bagi menyokong agenda Geopark Kebangsaan yang menjadi hasrat NRECC sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam menyelaras inisiatif pembangunan geopark dan jaringan geopark di peringkat kebangsaan dan global. Agensi yang dilantik selaku pelaksana geopark disyorkan mengguna pakai dokumen ini sebagai panduan membangun dan menguruskan sesuatu geopark dan menjadikannya bertaraf antarabangsa dan setara UGGp.

JMG telah menjalankan aktiviti pemetaan warisan geologi khususnya geotapak sejak tahun 1990-an untuk membangunkan kawasan geopark demi memelihara dan memulihara sumber warisan semula jadi di Malaysia. Konsep pembangunan geopark melibatkan tiga elemen penting iaitu pendidikan, pemuliharaan serta pembangunan secara lestari untuk memastikan sumber warisan geologi, biologi dan budaya terpelihara dan pada masa yang sama, membolehkan penggunaan sumber warisan tersebut untuk memperkasakan ekonomi komuniti setempat serta produk geopelancongan.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)**

6 OKTOBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia